



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

**JMK 312– TEORI KESUSASTERAAN MUTAKHIR : PERSPEKTIF
PERBANDINGAN**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Pilih dan jawab EMPAT (4) soalan sahaja

1. Cerpen “Kejadian Dalam Estet” karya Keris Mas menggambarkan masalah politik dan sosio-ekonomi masyarakat Melayu sejurus selepas kemerdekaan. Bagaimanakah hal tersebut dapat dirincikan menerusi teori Post-Kolonial?
(25 markah)
2. A.Samad Said melalui novelnya yang terkenal berjudul *Salina* mengisahkan penderitaan rakyat di Singapura selepas Perang Dunia kedua. Paparannya yang realistik amat berkesan di hati pembaca. Berdasarkan pernyataan tersebut bincangkan secara kritis dengan merujuk watak-watak utama novel tersebut.
(25 markah)
3. “Sampah” oleh Dayangku Mastura menampilkan konflik kepercayaan dengan teknik penceritaan yang menarik. Puak-puak yang berkonflik menggambarkan fenomena yang agak ekstrim dan meninggalkan kesan yang amat buruk dalam masyarakat. Berlandaskan teori Sosiologi, bincangkan secara kritis.
(25 markah)
4. Puisi-puisi pendek “Ribut Batin” dan “Jeritan” menampilkan pemikiran bernas penyairnya Muhammad Hj. Salleh. Pemikiran ini amat diperlukan dalam mendidik masyarakat agar lebih bertanggungjawab dan prihatin terhadap sensitiviti manusia di sekeliling mereka. Dengan bersandarkan teori Sastera Islam bincangkan dan hadapkan isu tersebut kepada suasana kontemporari di Malaysia. (Sila rujuk Lampiran A).
(25 markah)
5. Kumpulan puisi *Salasilah* karya Zurinah Hassan antara lain bersumberkan cerita rakyat yang diadaptasikan dan disesuaikan dengan pemikiran bangsa Melayu terutama dalam suasana masa kini. Berlandaskan teori yang sesuai, kenalpasti corak pemikiran yang terkandung dalam puisinya berjudul “Modal Pak Pandir”. (Sila rujuk Lampiran B).
(25 markah)
6. Kajian bandingan terhadap teks kesusasteraan Melayu moden dan klasik berupaya mengenalpasti aspek persamaan dan berbezaan antara teks berkenaan tanpa menjaskan nilai keaslian dan estetikanya. Bincangkan dengan merujuk contoh-contoh yang sesuai.
(25 markah)

LAMPIRAN A

Ribut Batin

serangkaian kata
pembalut
perasaan halus,

kias
mengumpamakan
makna
dengan sepadang
suasana

Jeritan

kudengar
jeritan
dari celah jari
kakiku
kerana yang kupijak
ialah saudaraku.

(Muhammad Hj. Salleh)

LAMPIRAN B

Modal Pak Pandir

Jangan risau Pak Pandir
kebodohan bukan hanya milikmu
ia sebenarnya sering berlaku

Seperti pada hari itu
Mak Andeh menyuruhmu mencari makan
pergilah ke sungai memancing ikan
tangkap belalang jadikan umpan.

Kau yang keliru
berjumpa rusa tanduk bercabang
mengheretnya ke sungai
tanpa menyedari
rusa itu sebesar-besarnya rezeki
dan kau telah membuang
sebaik-baik peluang.

Ya, Pak Pandir
kau tentu tak menyangka
kami pun begitu juga
tak pasti mana yang lebih besar
antara harga yang dibayar
dengan untung yang dikehendaki.

Mengharap seuncang untung
terbuang modal sekarung
seperti rusa yang terbuang ke sungai
yang terkorban mungkin lebih bernilai
daripada matlamat yang dicapai

(Zurinah Hassan)

-oooOooo-